



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 19/6/2011 |

Perdana Menteri utus surat kepada Setiausaha PBB

Pastikan keselamatan flotila

Oleh METRA SYAHRIL MOHAMED
metra.mohamed@utu5an.com.my

KUALA LUMPUR 18 Jun - Datuk Sen Najib Tun Razak berkata, pihaknya akan mengutus surat kepada Setiausaha Agung, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon bagi meminta badan dunia itu memastikan keselamatan konvoi flotila bantuan kemanusiaan ke Genting Gaza pada 27 Jun ini terjamin.

Menurut Perdana Menteri, langkah ini diambil bertujuan mengelak konvoi yang turut disertai 10 sukarelawan Malaysia itu tidak dianiaya atau diserang rejim Yahudi seperti yang dilakukan mereka ke atas kapal Mavi Marmara, tahun lalu.

"Saya akan utus surat kepada Ban Ki-Moon supaya PBB bantu flotila ini. Agar mereka ini tidak dianiaya (oleh rejim Yahudi).

"Isu berkaitan Palestin begitu dekat dengan hati saya. Kita akan terus perjuangkan agar mereka dapat mengesap kebebasan. Jika dunia tidak berbuat apa-apa, suara Malaysia akan terns kita gemakan.

"Supaya dunia tahu walaupun ne-gaia kita ini cukup sederhana tetapi bejiwa besar untuk berjuang demi Palestin. Kita harus ingatkan dunia, selagi isu Palestin tidak selesai, adalah wajib untuk lata perjuangkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan pasukan Lifeline4Gaza (LL4G) yang akan menyertai lebih 600 sukarelawan antarabangsa dalam misi flotila pembebasan Gaza kedua di sini malam ini.

Sempena majlis itu, nama lapan daripada 10 sukarelawan Malaysia diumumkan untuk menyertai misi tersebut.

Mereka terdiri daripada Presiden LL4G, Dr. Noorazman Mohd. Sam-



NAJIB Tun Razak ketika melancarkan pasukan Lifeline4Gaza di Stadium Badminton Cheras, Kuala Lumpur, malam tadi. Turut sama, Dr. Noorazman Mohd. Samsuddin (dua dari kiri) dan Khairy Jamaluddin. MINGGUAN/ AHMAD ZAKKIJILAN

suddin; Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin; Pengerusi Aman Malaysia, Datuk Ahmad Zaki Zahid dan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad.

Empat yang lain adalah Bendahari Muslim Care Malaysia, Zulkefli Wahijan; Setiausaha Agung Pertubuhan Kebajikan Islamiah Al-Ehsan Malaysia, Ismail Darus; Pengarang Kanan Astro Awani, Nazri Kahar serta jurukamera Astro Awani, Wan Yusani

Amir.

Misi konvoi kali ini bakal disertai oleh 13 buah kapal antarabangsa termasuk tiga kapal kargo membawa bantuan kemanusiaan.

Jelas Najib, selain bantuan kewangan yang akan dihulurkan kepada misi berkenaan, kerajaan juga akan berusaha mencari dana bagi merealisasikan penubuhan Malaysian Centre of Trauma for Children of Gaza yang bertujuan membantu nasib ma-

sa depan anak-anak yatim di Palestin.

Ujarnya, dunia sebenarnya "berhutang" kepada rakyat Palestin kerana membiarkan kesengsaraan mereka yang dianiaya rejim Yahudi sejak 1948.

"Ia berterusan sehingga kini. Satu demi satu peristiwa yang menyayat hati terakam dalam ingatan kita. Masihkah kita ingat pada serangan pada 2008 apabila Israel melepaskan 1.5

juta kilogram bom kepada rakyat Palestin?

"Bayangkan azab yang telah dan sedang dialami rakyat Palestin. Saya fikir, kalau dikatakan dunia Islam tidak kuat untuk mempertahankan Palestin, itu bukan alasan untuk kita tidak berbuat apa-apa.

"Kalau tidak cara kekerasan, kita akan gunakan cara lain untuk memperjuangkan nasib mereka," tambah beliau.